

Bunuh diri meningkatkan

M/S 39

Putus cinta punca utama cubaan bunuh diri bertambah

JEDDAH: Pengarah Hospital Sakit Jiwa Jeddah mendakwa empat orang daripada golongan muda cuba membunuh diri setiap minggu.

Dr Adnan Mufti mengaku hospitalnya menerima tiga hingga empat kes setiap minggu.

Kegagalan hubungan cinta menjadi punca utama menyebabkan mereka cuba membunuh diri.

"Hubungan yang putus tiba-tiba menyebabkan remaja mengalami tekanan emosi dan pendorong mereka membunuh diri," katanya.

Dr Adnan bagaimanapun tidak memiliki statistik tepat jumlah rakyat Arab Saudi yang cuba membunuh diri tapi percaya jumlah itu semakin meningkat.

Beliau mendakwa media, terutama televisyen dan Internet memainkan peranan penting peningkatan cubaan membunuh diri di kalangan golongan muda negara itu.

"Internet menghidangkan peluang kepada pemuda dan pemudi menjalinkan hubungan cinta tanpa batasan," katanya.

Lelaki mahupun wanita kemudian mengalami tekanan apabila hubungan mereka itu terputus tiba-tiba akibat pelbagai sebab.

"Kes-kes ini hanya sampai kepada pengetahuan kami apabila ia berada pada tahap kritikal dan kami tidak memiliki jalan menyelesaikannya selain memberi pil antitekanan untuk mengurangkan tekanan yang mereka alami," katanya lagi.

Dr Adnan menegaskan, golongan muda perlu dimaklumkan mengenai bahaya membabitkan diri dalam hubungan di alam maya.

"Ceramah di Hari Kesihatan Mental Dunia sahaja tidak mencukupi kerana masyarakat perlukan program penyedaran khas."

Dua tahun lalu, hospital melancar program bantuan di Internet dengan kerjasama agensi pendidikan bagi mendidik pelajar lelaki.

"Kami rancang memperkenalkan program sama kepada pelajar perempuan tidak lama lagi," kata Adnan lagi.

Beberapa laman web lain turut menyediakan nasihat kepada golongan muda.

"Malangnya, tidak ramai yang tahu mengenainya," katanya lagi. - Agensi